

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATIN SERIDR SITI HASMAH BT HJ MOHD ALT  
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN SETEMPOS  
MENGABADIKAN KEGEMILANGAN MALAYSIA  
DALAM SUKAN KOMANWEL XVI  
DI HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR  
PADA HARI SABTU, 12 DISEMBER 1998  
JAM 9.30 PAGI

---

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pos Malaysia Berhad, khususnya kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato Zainol bin Mahmood, Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia kerana menjemput saya untuk hadir ke majlis pada hari ini dan diberi penghormatan untuk melancarkan Setem Pos Mengabadikan Kegemilangan Malaysia Dalam Sukan Komanwel ke-16.

2. Sukan Komanwel ke-16 telah berakhir dan Malaysia telah berjaya menjadi tuan rumah pesta sukan yang ke-2 terbesar di dunia di akhir abad ke-20 ini. Dengan penuh bergaya dan bersejarah, Malaysia telah berjaya memperoleh 10 pingat emas, 14 pingat perak dan 12 pingat gangsa. Kerajaan telah menyediakan berbagai kemudahan yang termoden, terkini dan canggih yang akan menjamin untuk perkembangan di bidang sukan pada masa akan datang ke arah tahun 2020.

3. Kejayaan Sukan Komanwel ke-16 pada keseluruhannya adalah hasil sumbangan daripada berbagai pihak dan satu daripadanya ialah Pos Malaysia Berhad.

4. Kejayaan dalam Sukan Komanwel ke-16, telah dirakam dan direkodkan dalam berbagai bentuk dan Pos Malaysia mengabadikannya dalam bentuk setem. Saya difahamkan, Pos Malaysia telah mengeluarkan setem-setem pos kenang-kenangan mengenai Sukan Komanwel

ke-16 sejak dari tahun 1994 lagi hinggalah ke hari ini. Pengeluaran setem ini adalah merupakan satu penghormatan paling tinggi kepada sukan dan kepada atb't-atlit atau ahli-ahli sukan. Setem ini akan disimpan dari zaman ke zaman sebagai suaterekod kegemilangan. Setem ini juga akan tersebar luas ke seluruh pelusuk dunia. Ianya adalah suatu bentuk pemsyukuran keagungan dan kebolehan negara kita, Malaysia.

5. Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Pos Malaysia Berhad, kerana telah menjadi "gold partner" dan "official supplier" dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan perkhidmatan Pos sepanjang Sukan Komanwel 98 berlangsung.

6. Saya juga ingin merayu kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya membeli atau memiliki Setem Pos Kenang-Kenangan yang dikeluarkan sebagai "treasure" untuk disimpan dan dijadikan kenangan untuk sepanjang zaman. Saya juga ingin menyeru kepada ibu bapa dan guru-guru di sekolah, supaya dapat menggalakkan murid-murid dan pelajar-pelajar supaya aktiviti mengumpul setem ini dijadikan suatu hobi, kerana ianya adalah suatu hobi yang sihat.

7. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan Setem Pos Mengabadikan Kegemilangan Malaysia Dalam Sukan Komanwel ke-16.

Terima kasih.

\*\*\*\*\*